

Utamakan keadilan sosial ketika rumus semakan semula subsidi

• Kita boleh katakan, jika suami dan isteri bekerja sebagai guru, mereka sudah tergolong dalam kategori T15. Persoalannya, adakah mereka ini 'Maha Kaya' dan tidak lagi memerlukan bantuan subsidi BUDI95

• Faktor pelbagai dimensi perlu diambil kira, bukan hanya kategori pendapatan semata-mata. Ini kerana, antara masalah utama dihadapi rakyat ketika ini adalah tahap gaji mendaftar dan kos sara hidup pula semakin meningkat



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Felo Bersekutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFIcofi), Universiti Utara Malaysia

Bebanan kos subsidi semakin meningkat akibat konflik di Asia Barat yang berlanjutan, kerajaan ketika ini sedang mencari strategi terbaik untuk memastikan harga barang tidak meningkat secara mendadak dan kesejahteraan rakyat kekal terpelihara dan pada masa sama cuba mengoptimumkan ruang fiskal yang ada.

Cadangan kerajaan untuk melaksanakan bentuk subsidi RON95 lebih bersasar, iaitu mengecualikan golongan kaya adalah tepat, dengan mengambil kira kos subsidi bahan api sudah mencecah sehingga RM5 bilion sebulan, dengan jangkaan perbelanjaan subsidi pada tahun ini menghampiri RM60

bilion, berbanding jangkaan RM15 bilion setahun dalam Belanjawan 2026.

Persoalan utama adalah dari segi pelaksanaan, iaitu golongan mana akan dan patut dikecualikan atau ditakrif sebagai golongan kaya atau 'Maha Kaya', seperti pernah disebut dalam Belanjawan 2025 pada 2024.

Apabila kerajaan menggunakan pengelasan isi rumah kepada kumpulan pendapatan sebagai kayu ukur kelayakan bantuan serta subsidi kepada golongan memerlukan pada dekad lepas, ini sebenarnya satu pembaharuan kerana ketika itu dan sebelumnya, rata-rata kayu ukur kelayakan bantuan dilakukan lebih berdasarkan kaum.

Maka, apabila kerajaan menggunakan klasifikasi pendapatan, metodologinya secara mudah ialah pendapatan isi rumah disusun mengikut garis sempadan pendapatan secara menaik.

Apabila ini dilakukan, muncul tiga kumpulan utama dalam saiz agihan pendapatan itu iaitu golongan 40 peratus terbawah (B40), pertengahan (M40) dan teratas (T20).

Kadar pembahagian dipilih juga terpulang kepada ahli ekonomi dan ahli statistik sama ada ingin mela-

kukan secara *quintil* atau kadar 20 peratus ataupun secara *desil* iaitu kadar 10 peratus.

Dalam usaha kerajaan melaksanakan subsidi bersasar, kerajaan meletakkan cadangan T20, iaitu kumpulan isi rumah berada pada 20 peratus tertinggi di Malaysia sebagai kumpulan kaya.

Mereka dilihat berpotensi dikecualikan daripada usaha kerajaan untuk menyasarkan subsidi kepada mereka yang betul-betul memerlukan sahaja. Mengikut data terkini Jabatan Perangkaan, isi rumah T20 adalah mereka mempunyai purata pendapatan RM12,556 sebulan dan T15 pada sekitar RM13,941 sebulan.

Kita boleh katakan, jika suami dan isteri bekerja sebagai guru, mereka sudah tergolong dalam kategori T15. Persoalannya, adakah mereka ini 'Maha Kaya' dan tidak lagi memerlukan bantuan subsidi BUDI95.

Bayangkan jika suami dan isteri yang bekerja sebagai guru ini tinggal di kawasan bandar mempunyai tiga anak masih bersekolah dan belajar di universiti serta mempunyai ibu bapa warga emas untuk ditanggung.

Bayangkan juga corak perbelanjaan mereka, seperti kos perumahan, pinjaman kenderaan, insurans, iaitu perkara asas yang bukan untuk bermewah-mewah atau mengejar gaya hidup, tetapi cukup untuk hidup bermaruah dalam masyarakat.

Keluarga T15 jatuh ke M40

Pada ketika ini pun, pelbagai subsidi dan bantuan yang dahulunya diberikan kepada mereka sudah ditarik balik kerana mereka berada dalam kelompok T20.

Keadaan menjadi bertambah rumit apabila kita melihat angka ini secara per kapita ataupun individu. Keluarga T15 tadi sudah jatuh ke M40 dan jika dilihat lagi dari segi pendapatan bersih mereka secara individu, keluarga T15 tadi boleh jatuh kepada golongan B40.

Bagaimana pula dengan tabungan untuk kecemasan dan juga persediaan mereka mengha-

dapi kos sara hidup pada hari tua kelak. Semua ini diburukkan lagi dengan hakikat golongan T20 and T15 inilah yang bukan sahaja pembayar cukai tegar, tetapi pembayar cukai pendapatan terbanyak berbanding golongan lain.

Sekitar 80 peratus cukai pendapatan negara datang dari golongan ini. Maka, kerajaan perlu meneliti dengan lebih mendalam mengenai klasifikasi ataupun garis pemisah sesuai untuk menentukan siapa patut dikecualikan dalam usaha menyasarkan subsidi petrol ini.

Faktor pelbagai dimensi perlu diambil kira, bukan hanya kategori pendapatan semata-mata. Ini kerana, antara masalah utama dihadapi rakyat ketika ini adalah tahap gaji mendaftar dan kos sara hidup pula semakin meningkat.

Dengan erti kata lain, gaji diterima sudah tidak boleh lagi menampung kos sara hidup ketika ini. Walaupun atas kertas gaji adalah tinggi, ada peningkatan gaji, namun peningkatan dalam kos sara hidup lebih pantas mengakibatkan kuasa beli rakyat terhakis.

Walaupun, tahap gaji isi rumah berada di atas dalam pengelasan pendapatan, ia tidak semestinya kaya. Begitu juga yang berada di bawah, ia tidak semestinya miskin.

Apabila ahli ekonomi mencipta konsep pengelasan pendapatan isi rumah, ia tidak mempunyai apa-apa implikasi normatif. Mungkin boleh membuat penafsiran mengikut logik pendapatan isi rumah berada di atas adalah kaya dan berada di bawah adalah miskin, tetapi isi rumah dan individu dalam kumpulan ini tidak seragam.

Di negara mempunyai pendapatan tinggi dan kos sara hidup terkawal, berada pada kelompok B40 misalnya boleh dilihat sebagai hidup selesa.

Penelitian dalam memuktamadkan cadangan semakan semula subsidi tidak boleh dilakukan secara terburu-buru.

Apa yang penting, aspek keadilan sosial perlu diberi keutamaan, apatah lagi dalam mod krisis dihadapi ketika ini.

